

Berbahagialah orang yang

membawa damai!

TAKHTA SUCI: “Berbahagialah orang-orang yang membawa damai,” kata Sri Paus Fransiskus ketika beliau mengalu-alukan “keluarga diplomatik” yang semakin besar bilangannya di Vatikan.

Prelatus itu mengucapkan terima kasih kepada para duta atas usaha mereka dalam memupuk hubungan baik antara Takhta Suci dan negara-negara di mana mereka diutus.

Bapa Suci kemudiannya menekankan tema khutbahnya — Damai — yang adalah anugerah suci Tuhan, kerana Dia telah meninggalkan kita dengan damai sejahtera-Nya. “Dan damai ini adalah tanggungjawab kita semua,” tegas Bapa Suci.

Bertemu dengan duta-duta dari seluruh dunia yang ditauliahkan kepada Takhta Suci pada Januari 8, 2024, Bapa Suci Fransiskus menyatakan kebimbangan mendalamnya tentang konflik yang semakin memuncak di seluruh dunia dan menyifatkan keadaan semasa sebagai “perang dunia ketiga yang berlaku sedikit demi sedikit” dan secara terbuka menyebut negara-negara yang mengalami krisis tersebut.

Israel dan Palestin

Mengimbas kembali perang yang berterusan antara Israel dan Hamas, Bapa Suci mengutip serangan yang berlaku pada Oktober 7, 2023.

“Saya mengulangi kecaman saya terhadap setiap kejadian keganasan dan ekstremisme. Ini bukan cara untuk menyelesaikan pertikaian antara rakyat; pertikaian itu hanya memburukkan dan menyebabkan penderitaan bagi semua orang,” katanya.

Sri Paus Fransiskus mengecam tindak balas ketenteraan seterusnya yang telah membawa kepada perang berskala penuh di Gaza — di mana lebih 22,000 orang telah terbunuh dan berjuta-juta cedera dan kehilangan tempat tinggal.

“Serangan saling berbalas antara Israel dan Hamas di Gaza telah menyebabkan kematian berpuluh-puluh ribu rakyat Palestin, terutamanya orang awam, termasuk ramai kaum muda dan kanak-kanak, serta menyebabkan krisis kemanusiaan yang sangat teruk dan penderitaan yang tidak dapat dibayangkan.”

Justeru, beliau menggesa gencatan senjata segera, pembebasan tebusan, dan akses kepada bantuan kemanusiaan untuk rakyat Palestin.

Prelatus itu juga mengulangi sokongannya untuk penyelesaian “dua negara”, serta “sta-



Keadaan daif pelarian di Sudan akibat konflik berpanjangan.

tus istimewa yang dijamin antarabangsa untuk Bethlehem, bertujuan untuk keamanan dan ke selamatan yang berkekalan.”

Syria, Lebanon, Myanmar

Kemudian, Bapa Suci berbicara tentang rakyat Syria yang “hidup dalam situasi ketidakstabilan ekonomi dan politik yang diburukkan lagi oleh gempa bumi pada Februari tahun lalu.”

Bapa Suci merayu kepada masyarakat antarabangsa “untuk menggalakkan pihak yang terlibat bagi melakukan dialog yang membina dan serius serta mencari penyelesaian baharu supaya rakyat Syria tidak perlu lagi menderita akibat sekatan antarabangsa,” ujar Sri Paus sambil menyatakan kedekatannya dengan berjuta-juta rakyat Syria yang menjadi pelarian.

Sri Paus Fransiskus tidak melupakan orang-orang Rohingya di Myanmar, merayu agar “setiap usaha dibuat untuk menawarkan harapan dan masa depan yang bermaruah kepada anak-anak mudanya serta tidak mengabaikan kecemasan kemanusiaan yang terus dialami oleh Rohingya.”

Rusia dan Ukraine, Armenia dan Azerbaijan

Sri Paus Fransiskus mengimbas kembali perang besar-besaran yang dilakukan Rusia terhadap Ukraine, yang telah mengakibatkan “sejumlah besar mangsa dan kemusnahan besar-besaran” dan situasi di Caucasus Selatan antara Armenia dan Azerbaijan, yang

menyebabkan situasi pelarian yang dramatik.

Untuk negara-negara ini, Bapa Suci menggesa rundingan berkaitan undang-undang antarabangsa dan untuk kepelbagaian agama.

Afrika

Bapa Suci Fransiskus menyebut krisis kemanusiaan di sub-Sahara Afrika, termasuk kesan keganasan, ketidakstabilan politik, dan perubahan iklim.

Beliau menyeru usaha serius dalam melaksanakan perjanjian, seperti Perjanjian Pretoria, untuk menangani konflik di Tigray, dan mencari penyelesaian kepada ketegangan di Ethiopia dan Semenanjung Afrika.

Peperangan di Sudan dan akibatnya yang meluas ke atas berjuta-juta rakyatnya yang terpaksa berpindah — turut menjadi keprihatinan Sri Paus Fransiskus, begitu juga dengan nasib pelarian di Cameroon, Mozambique, Republik Demokratik Congo, dan Sudan Selatan.

Cabaran di benua Amerika

Sambil mengakui ketiadaan perang terbuka di Amerika, tetapi Sri Paus semakin risau dengan ketegangan serius antara beberapa negara di Amerika Latin, seperti Venezuela dan Guyana serta polarisasi politik yang menjejaskan institusi demokrasi seperti di Peru dan Nicaragua.

“Keadaan di Nicaragua sangat membimbangkan: krisis yang berlarutan telah membawa kelukaan bagi masyarakat Nicaragua dan khususnya bagi Gereja Katolik,” katanya,

sambil menegaskan komitmen Takhta Suci untuk menggalakkan “dialog diplomatik yang penuh hormat untuk kepentingan umat Katolik dan seluruh penduduk.”

Bapa Suci menekankan keperluan pelucutan atau gencatan senjata, menegaskan bahawa senjata hanya menggalakkan penggunaannya bukan penghalang peperangan.

Krisis Iklim dan Martabat Manusia

Sri Paus juga tidak lupa menyebut krisis iklim yang “menuntut tindak balas mendesak dan penglibatan penuh pihak semua, termasuk masyarakat antarabangsa secara keseluruhan.”

Beliau menyatakan harapannya bahawa perjanjian yang di terima pakai di Dubai pada Sidang Kemuncak Iklim PBB boleh “memacu peralihan ekologi.”

Uskup Roma itu juga menyeru penghormatan dan perlindungan kepada mereka yang terpaksa meninggalkan tanah air mereka. Para pelarian ini menghadapi tuduhan “penceroboh” dan betapa sedih serta kesal kerana kita menutup hati kita untuk melihat penderitaan mereka.

Oleh itu, Bapa Suci merayu pendekatan seimbang yang mengawal migrasi sambil menghormati hak dan maruah individu.

Pada akhir ucapannya yang panjang, Bapa Suci menekankan bahawa pendidikan adalah sebagai satu cara pelaburan masa hadapan, terutamanya dalam konteks teknologi baharu yang beretika dan menghormati martabat manusia. — *media Vatikan*



Emmanuel Joseph

Tindakan kita dalam menghadapi isu kurang menyenangkan

Dubai ialah destinasi terkenal untuk ramai rakyat Malaysia yang bekerja di kawasan Teluk, atau bagi kita yang terbang dengan syarikat penerbangan poplarnya, Emirates.

Ini juga merupakan destinasi terkenal untuk pertunjukan dan pameran perdagangan, malah hab untuk teknologi canggih seperti pertanian vertikal dan *Internet-of-Things* (IoT). Sudah tentu, ia juga adalah tempat tumpuan pelancongan dan hab kewangan global.

Baru-baru ini, ia menambah anugerah kepujiannya, dilabelkan sebagai destinasi di mana ahli-ahli politik bertemu atau merancang untuk menggulingkan kerajaan, seperti bandar Kajang dan Port Dickson.

Mungkin ini adalah nasib baik atau malang kerana tersenarai dalam lokasi yang dikaitkan dengan gerakan politik jahat.

Meskipun di satu pihak, rakyat Malaysia sudah lama bosan dengan telatah politik dan 'berita' ini tidak lagi mengganggu kita, risikonya ke atas institusi dan norma, tidak boleh dipandang remeh.

Rangkaian panjang peristiwa yang membawa kepada konspirasi terbaharu ini, yang disebarkan oleh seorang blogger buruan yang popular suatu ketika dahulu tetapi hanya segelintir yang tahu.

Ia agak kurang sopan, disebarkan oleh askar-askar siber dan batalion propaganda dalam talian, tanpa menyaring dan memastikan kesahihannya, ia disebar luaskan dalam Internet.

Sesungguhnya 'Berita' yang tidak sahih maklumatnya adalah tidak baik untuk sebuah negara yang matang, bersatu serta boleh memecah belahkan keharmonian.

Tohmahan radikal

Ini meleret hingga tahun 2000-an. Diburukkan lagi dengan kekalahan mengejut Barisan Nasional di lima negeri, membawa kepada peningkatan mendadak dalam nada bertemakan kaum dan agama dalam naratif politik, yang malangnya kini telah bertukar



Meskipun menghadapi seratus pembbohongan politik kita harus tetap keluar dan berjuang untuk memajukan komuniti.

menjadi arus perdana.

Kisah naratif kurang sopan ini meskipun tidak diterima akal tetapi tetapi telah menjadi begitu normal, kita sekadar menggunakannya kepada sesuatu yang biasa, menjadi gambar humoris (meme) yang dikongsikan pada kumpulan *WhatsApp* selain ucapan selamat pagi, memuji hari pagi yang indah dan mengucapkan pelbagai berkat.

Kita telah mencapai tahap di mana hanya menyediakan — ruang kecil dalam parameter yang ditetapkan dan mengawal perkara yang perlu diraikan dan dibimbangkan — sekurang-kurangnya kita masih ada tahap ini!

Berbicara berulang kali

Lagipun, dalam zaman maklumat palsu dan politik *bogeyman*, kita cenderung untuk bertanya apa yang Théoden ajukan dalam buku *Lord of the Rings* kedua — “*Dunia berubah, dan semua yang dahulunya kuat, kini terbukti tidak pasti. Bagaimanakah menara-menara dapat menahan jumlah sedemikian dan kebencian yang melulu?*”

Dalam filem, ia menjawab, “*Bertahanlah meskipun situasi kurang menyenangkan!*”

Meskipun menghadapi seratus pembbohongan, kita harus tetap keluar untuk meneruskan kehidupan.

Walaupun satu tindakan untuk menyebarkan kebenaran adalah sia-sia, dalam menghadapi seribu program yang dibuat untuk menjadikan mana-mana versi pemimpin seorang yang benar, dan ribuan ideologi mereka, kita tetap harus menghadapinya.

Teruskan menganjurkan, menggerakkan dan mengambil bahagian dalam acara yang memajukan rakyat yang memperjuangkan demokrasi dan topik-topik keadilan lain — pilihan raya, kebebasan bersuara, kesucian undang-undang dan pemeraksanaan warganegara.

Perjuangan ini memerlukan pembelaan, dan kita harus menyokong inisiatif yang menggalakkan kesederhanaan, dan mengutuk mereka yang tidak, walaupun kita rasa cenderung untuk menyokong pendirian tertentu kerana tidak mempunyai kepercayaan, agama atau bangsa yang serupa.

Jika tidak, maka kita termasuk dalam kategori yang sama dengan orang yang kita tidak suka.

Dialog berterusan

Isu seperti Palestin adalah sensitif dan multidimensi serta tidak boleh diketepikan dengan mudah. Kadangkala, kita mungkin memahami keperluan untuk berpegang kepada warisan dan sentimen, tetapi ini perlu di-

seimbangkan dengan kesaksamaan, keadilan dan dos realiti yang liberal.

Contoh terbaharu ialah keputusan lembaga sekolah Sarawak untuk menghalang pelajar Islam daripada mengadakan majlis tamat pengajian (atau *khatam*), kerana warisan Kristian yang bersejarah di sekolah itu.

Ini nampaknya tidak adil kepada pelajar Islam tetapi bagaimana dengan pertikaian di Semenanjung — terhadap larangan memakai salib, dan perjuangan untuk mengekalkan Jumaat Agung sebagai cuti sekolah.

Kita tidak dapat memisahkan isu Semenanjung dan Borneo, dan kita juga tidak boleh melihat isu dari kaca mata agama atau kaum pada masa itu.

Maka amat penting untuk meneruskan dialog dan menawarkan ruang kita sebagai platform untuk berdialog dengan tetangga, pemimpin dan rakan kita walaupun semakin sukar untuk berbuat demikian.

Tetapi penting untuk kita terus bercakap kita mengundi bukan sahaja dengan dakwat, tetapi suara kita setiap hari, dan dengan hanya berdiam, ia mungkin membayangkan bahawa isu itu bukan perkara yang membimbangkan.

Kita bertuah kerana tergolong dalam sebuah Gereja yang berbilang budaya dan global serta berpengalaman dalam menanganikan semua jenis ideologi politik dan cita-cita pentadbiran.

Memanfaatkan pengalaman ini bukan sahaja akan memudahkan kita memulakan dialog bagi menentang idea-idea rabun serta membantu semua orang melihat gambaran yang lebih besar daripada sengaja mengelak. — *Terjemahan*

● Emmanuel Joseph menyelia IT sebagai tugas seharian serta berkhidmat dengan beberapa NGO, badan pemikir dan kumpulan sukarelawan. Beliau berkhidmat sebagai penasihat untuk Projek Dialog dan merupakan Felo dengan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Dasar.

Bertobatlah untuk menerima Injil

Suatu ketika dahulu, ada seorang Pemimpin Doa yang terkenal. Biarlah beliau digelar sebagai En. A sahaja. En. A bangga dan berasa berjaya dalam tugasnya sebagai Pemimpin Doa kerana sering dicari untuk mengupacarakan sesebuah doa. Beliau bukan sahaja dicari oleh orang-orang kampung tetapi juga umat dari kampung-malah paroki lain.

Ini membuatkan En A bangga kerana merasakan beliau adalah orang penting.

Oleh itu, En A yang pada mulanya tidak mengenakan bayaran, menerima bayaran lebih RM 10 bagi setiap doa yang di pimpinnya.

Malah, kebelakangan ini pula, bukan setakat bayaran, jika inginkan 'perkhidmatannya' En A perlu diambil dan dihantar semula ke rumah.

Tuan rumah juga harus memastikan ketika dalam upacara doa, jika tidak ada penghawa dingin, sekurang-kurangnya ada kipas angin! Ini adalah kerana, menurut En A, peluh dan kepanasan akan mengganggu upacara doa.

Moral di dalam cerita ini bukanlah mentertawakan atau mengkritik sifat En A. Sebenarnya tanpa sedar, terlalu ramai

orang, sama ada paderi, religius dan umat awam yang bersikap seperti En A. Pelayanan mereka lebih kepada material bukan lagi rohani.

Mungkin, bukan juga salah En A seratus peratus, salah umat juga yang terlalu memanjakan seorang pelayan Tuhan.

Umat biasa menyediakan tempat istimewa, makanan khas untuk paderi, religius dan katekis yang datang melawat atau memimpin ibadat. Misalnya apabila ada majlis bersama umat, Paderi diberikan meja yang istimewa, ada hiasan yang indah, makanan yang dihidangkan juga lazat.

Manakala umat pula duduk di kerusi yang hampir patah, ada yang terpaksa berdiri, makanan pula sudah sejuk dan diletakkan pula dalam pinggan plastik!

Apa salahnya meja yang dikhaskan untuk Paderi itu dikhususkan bagi warga tua, bagi wanita hamil atau mempunyai anak kecil. Apa yang sering terjadi ialah warga tua dan wanita yang mempunyai anak tidak akan menyertai majlis sosial bersama Paderi kerana tahu, tempat mereka tidak ada.

Sedangkan Paderi, religius dan Katekis sebenarnya sudah dilatih untuk menjadi misionari. Mereka seharusnya melayani

bukan dilayani. Berdiri sambil makan tidak akan membunuh mereka.

Tetapi makanan berlemak dan minuman manis yang dihidangkan untuk merekalah yang akan 'membunuh' mereka. “*The man behind the gun*” — Manusia dibalik senjata, itulah sebuah pepatah yang mengajak dan mengingatkan kita semua untuk lebih mengutamakan atau mengutamakan manusia dari harta benda atau wang.

Sebagai orang yang beriman kepada Yesus Kristus, marilah kita meneladani “*Dia, yang walaupun kaya telah memiskinkan dirinya agar dapat mengangkut orang miskin untuk menjadi kaya,*” tentu saja terutama dan pertama-tama adalah kaya akan nilai-nilai atau keutamaan-keutamaan kehidupan yang menyelamatkan jiwa manusia.

Paulus mengingatkan kita semua bahawa segala sesuatu yang ada di dunia ini sungguh bersifat sementara, maka dia mengingatkan “*orang-orang yang mempergunakan barang-barang duniawi seolah-olah sama sekali tidak mempergunakannya. Sebab dunia seperti yang kita kenal sekarang akan berlalu.*”

Barang-barang duniawi adalah sarana

**HARI MINGGU
BIASA TIGA
TAHUN B
YUNUS 3:1-5, 10
1 KORINTUS 7:29-31
INJIL MARKUS 1:14-20**

dan bukan tujuan, sarana untuk membantu manusia dalam mengejar tujuan manusia diciptakan, iaitu demi keselamatan jiwa manusia.

Maka dengan ini kami berharap dan mengingatkan anda sekalian jika ada barang-barang duniawi yang mengganggu tujuan manusia diciptakan atau keselamatan jiwa hendaknya segera disingkirkan atau dimusnahkan.

Marilah kita hayati bahawa kita dapat hidup, tumbuh dan berkembang karena Tuhan, demikian juga ciptaan-ciptaan lainnya di bumi ini.

Maka marilah kita saling mendengarkan satu sama lain, agar kita semakin diperkaya dengan pengalaman-pengalaman orang lain. — *santapan iman*

Peranan keluarga vital dalam “memanusiakan” masyarakat

KENINGAU: Perayaan Pesta Keluarga Kudus peringkat paroki Katedral St Francis Xavier (KSFX) telah berlangsung pada Disember 31, lalu di Gereja Katolik St John Biah, sebagai tuan rumah.

Ita dimulakan dengan perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong yang dibantu oleh Diakon Nakudah Killin.

Bapa Uskup dalam homilinya mengingatkan umat betapa pentingnya menghargai keluarga kerana keluarga adalah asas dan permulaan keluarga yang beriman.

Atas kekuatan Sakramen suami isteri, ibu bapa diberikan berkat untuk menyalurkan cinta kasih terhadap anak-anak mereka kerana cintakasih adalah intipati perutusan penyelamatan keluarga Kristian dalam Gereja.

Uskup Cornelius menasihati bahawa, “Sakramen Perkahwinan memberikan rahmat kepada pasangan suami isteri untuk menjadi misionari cintakasih dalam keluarga. Bagi mereka yang sudah berkeluarga su-



Gereja St John Biah merupakan tuan rumah perayaan Pesta Keluarga Kudus peringkat paroki KSFX.

paya mengambil masa untuk memperbaharui komitmen terhadap misi kita, sebagai ibu bapa yang menjadi saluran kehadiran Tuhan kepada anak-anak dan belia kita.”

Bapa Uskup menambah agar ibu bapa dapat membantu anak-anak mengenal Tuhan untuk pertumbuhan fizikal dan rohani serta mem-

bimbing anak-anak bertanggungjawab sosial, menghormati sesama manusia dan alam ciptaan Tuhan.

Tegas prelatus itu, “keluarga merupakan ‘sel pertama dan sangat vital bagi masyarakat kerana Pencipta alam semesta telah menetapkan persekutuan suami isteri menjadi asas dan

dasar masyarakat manusia (Dekrit “Apostolicam Actuositatem” tentang Kerasulan Awam, art.11).”

Pada akhir Misa, Uskup Cornelius mengumumkan Zon Liau sebagai tuan rumah bagi Pesta Keluarga Kudus 2024 peringkat paroki KSFX. — *Melty*

Hospital Fatimah sambut ulang tahun ke-50

IPOH: Hospital Fatimah meraikan ulang tahunnya yang ke-50 tahun ini, menandakan satu peristiwa penting dalam sejarahnya. Untuk memeriahkan majlis ini, pelbagai aktiviti dan program telah dirancang dengan teliti.

Hospital Fatimah mempunyai warisan bersejarah sejak tahun 1952, di mana Uskup Agung Singapura ketika itu (Uskup Agung Michel Olçomendy, MEP) menjemput *Brothers of Mercy* untuk pelayanan kesihatan di wilayah utara Semenanjung Tanah Melayu. *Brothers of Mercy* menyahut seruan ini dan tiba di Malaya pada tahun 1953.

Pada awal operasinya, mereka melayani di bawah *The Catholic Welfare Services* yang menjangkau penduduk kampung di Daerah Kinta dan *Province Wellesley* untuk memberi-



Ulang tahun ke-50 Hospital Fatimah, seruan untuk meneruskan pelayanan cemerlang yang tidak berbelah bahagi dalam bidang kesihatan

kan khidmat perubatan.

Mereka tanpa jemu meredah kawasan itu dengan van dispensari bergerak, mengendalikannya klinik perubatan di Gopeng dan Kampung Simcee, sambil memberikan rawatan perubatan

percuma kepada masyarakat Orang Asli.

Khidmat mereka yang tidak berbelah bahagi menyebabkan mereka mendapat julukan “*The German Doctors*”.

Mendapat sokongan daripada masyarakat

tempatan dan disebabkan permintaan yang semakin meningkat untuk perkhidmatan mereka, *Brothers of Mercy* memutuskan untuk mengukuhkan kehadiran mereka di Malaysia dengan mendirikan dan menguruskan sebuah hospital. Visi mereka menjadi kenyataan pada Disember 7, 1974, iaitu upacara perasmian Hospital Fatimah.

Sepanjang tempoh lima dekad, Hospital Fatimah telah menjadi institusi penjagaan kesihatan yang terkemuka.

Dedikasinya yang tanpa lelah terhadap penjagaan kesihatan, ditambah dengan komitmen yang teguh terhadap kebajikan masyarakat, telah mengukuhkan kedudukannya sebagai tonggak penting dalam kesihatan masyarakat tempatan.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur
Tel: 03-2026 8291
Email:
liza@herald.com.my

Keselamatan bayi yang belum dibaptis

Soalan: Jika seorang bayi atau anak kecil dari keluarga Katolik meninggal dunia sebelum dibaptis, apakah dia memperoleh keselamatan?

Jawaban: Tentang nasib anak-anak kecil yang meninggal sebelum dibaptis dapat kita baca dalam Katekismus Gereja Katolik seperti berikut: *Anak-anak yang mati tanpa Pembaptisan, hanya dapat dipercayakan Gereja kepada belas kasihan Tuhan, seperti yang dilakukan dalam ritus penguburan mereka.*

Belas kasihan Tuhan yang besar yang menghendaki, agar semua orang diselamatkan, cinta Yesus yang lemah lembut kepada anak-anak, yang mendorong-Nya untuk mengatakan: “Biarkan anak-anak itu datang kepada-Ku; jangan menghalang-halangi mereka” (Mrk. 10:14), membenarkan kita untuk berharap bahawa untuk anak-anak yang mati tanpa Pembaptisan adalah satu jalan keselamatan. Gereja meminta dengan sangat kepada orang-tua, agar tidak menghalangi anak-anak, untuk datang kepada Kristus melalui anugerah Pembaptisan kudus. (KGK 1250).

Ada beberapa poin penting dalam hal ini. **Pertama**, Gereja percaya akan belas kasih Tuhan yang amat besar, yang menghendaki agar semua orang diselamatkan. Belas kasih itu nampak dalam hidup Yesus; hati-Nya sangat senang menyambut anak-anak dan Dia agak marah kalau ada yang menghalangi kedatangan mereka.

Dalam keyakinan akan belas kasih Tuhan dan

kelembutan hati Yesus ini, Gereja yakin bahawa anak-anak ini, meskipun belum dibaptis, dikasihi Tuhan dan tidak luput dari kehendak keselamatan Tuhan.

Keselamatan juga diperuntukkan bagi mereka. Itulah keyakinan yang dipegang Gereja, sehingga bagi bayi seperti ini tersedia ritual pemakaman yang khusus.

Kedua, memang ada persoalan sedikit, yang sering dibincangkan dalam teologi sejak abad pertengahan, terutama berkaitan dengan dosa asal yang melekat pada setiap orang, termasuk bayi-bayi tersebut.

Mereka memang belum berdosa secara peribadi, tetapi mereka tidak terluput dari dosa asal, iaitu dosa yang terjadi bukan kerana kesalahannya sendiri, melainkan akibat dosa manusia pertama, Adam.

Dosa asal ini hanya bisa dihapuskan melalui pembaptisan, iaitu ketika kita dipersatukan dengan wafat dan kebangkitan Kristus. Dari keyakinan ini muncul pendapat bahawa untuk bisa selamat, baptis menjadi syarat mutlak bagi semua.

Jadi bagaimana bayi yang meninggal sebelum dibaptis?

Di satu sisi, bayi masih murni kerana belum melakukan dosa apa pun berdasarkan keputusan bebasnya.

Di sisi lain, bayi belum dibaptis masih terikat dosa asal. Apakah dosa yang dimiliki tanpa kesalahannya sendiri ini membuatnya masuk neraka

bersama dengan para pendosa lainnya? Ataukah Tuhan tanpa memperhitungkan pembaptisan ini langsung memasukkannya ke syurga?

Menjawab persoalan itu, ada pendapat bahawa bayi yang berdosa peribadi ini pastilah tidak akan masuk ke neraka.

Namun kerana dia belum menerima Kristus melalui pembaptisan maka bayi yang belum dibaptis belum sepenuhnya dapat memandang kemuliaan abadi yang diperoleh orang kudus dalam syurga berkat persatuan mereka dengan Kristus.

Jadi menurut pandangan ini, bayi bagaikan berada di perbatasan antara syurga dan neraka. Tempat itu dikenal dengan nama *limbus infantum* atau *limbus puerorum* atau sering dipanggil *limbo*.

Limbo ini bukan tempat hukuman, melainkan tempat khusus yang terbuka bagi belas kasih Tuhan, yang dapat dibandingkan dengan *sheol* dalam Perjanjian Lama, iaitu tempat yang diperuntukkan bagi para Bapa Kudus sebelum datangnya Kristus, yang kemudian akan dibebaskan berkat peristiwa keselamatan Kristus.

Meskipun ajaran tentang limbo ini popular, ajaran ini tidaklah termasuk ajaran utama Gereja dan masih terbuka pada refleksi lebih lanjut.

Gereja sentiasa yakin akan harapannya bahawa bayi yang meninggal tanpa baptisan dapat diselamatkan dan dibawa ke dalam kebahagiaan abadi berkat belas kasih dan kelembutan hati Tuhan yang sangat dalam. — *Fr Gregorius Hertanto, MSC, hidupkatolik.com*

Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,

Apa khabar? Baru-baru ini antie menonton sebuah filem dari negara luar. Ia mengisahkan tentang seorang nelayan yang miskin dan berangan-angan mahu menjadi kaya.

Pada suatu hari, Iblis datang dan menawarkan nelayan itu kekayaan selama 10 tahun.

Nelayan itu benar-benar menjadi kaya dan selama 10 tahun. Kemudian, Iblis itu datang untuk mengambil nyawanya dan akhirnya, nelayan itu

hidup dalam neraka selama-lamanya. Adik-adik, Injil pada Hari Minggu ini menyatakan panggilan Yesus untuk mengikuti Dia. Tetapi panggilan Yesus bukanlah untuk hidup mewah tetapi untuk mengasihi sesama dan alam ciptaan-Nya.

Adik-adik, mari menjadi seperti Simon, Andreas, Zebedeus dan Yohanes dan yang tidak ragu mengikuti Yesus kerana Yesus adalah KHABAR SUKACITA!



Antie Melly



Rasul Paulus dari Tarsus menulis 13 surat dalam Kitab Suci. Pada gambar di atas, bulatkan surat yang ditulis oleh Sto Paulus.

"Mari, ikutlah Aku dan kamu akan Ku jadikan kamu ... (Markus 1:17) Apakah yang dikatakan oleh Yesus kepada Simon dan Andreas. Bongkar kod nombor di atas bagi membaca pesan Yesus.

Dalam himpunan Alkitab pada gambar ini, ada dua Alkitab yang sama. Warnakan dua Alkitab itu.



YOHANES
SIMON
DANAU
PERAHU
PENJALA
UPAH
ZEBEDEUS
JALA



Cari perkataan tersebunyi

Tuhanlah yang empunya bumi serta segala isinya, dan dunia serta yang diam di dalamnya. Sebab Dialah yang mendasarkannya di atas lautan dan menegakkannya di atas sungai-sungai. (mazmur 24:1-2)

BELIA MILENIUM

Belia Caritas Malaysia bawa misi Kristus ke Kemboja



Caritas Beyond Borders anjuran Caritas Keuskupan Melaka Johor dengan sokongan padu Caritas Kemboja telah membawa sekumpulan belia muda dari Keuskupan Johor Melaka untuk misi pelayanan ke Siem Reap, Kemboja pada Disember 2-10, 2023.

Sepanjang berada di Kemboja, para belia ini belajar daripada masyarakat, memupuk belas kasihan dan memberikan pelayanan kepada golongan yang kurang ber-

nasib baik.

Para sukarelawan ini telah dibawa ke program memberi makan kanak-kanak di Gereja terapan St. Joseph di Prek Toal dan mendekati komuniti yang tinggal di perairan tasik Tonle Sap.

Mereka juga mengumpul dana untuk memperbaiki rumah keluarga yang memerlukan, menganjurkan sesi kesenian dan bola tampar di sekolah rendah Khnar Thnung, dan

memberikan pelajaran bahasa Inggeris kepada belia di kampung yang mahu belajar bahasa Inggeris.

Para peserta yang menyertai misi ini mendapat pengalaman hidup berharga, semangat berdaya tahan dan kemahiran bekerjasama dengan orang dari pelbagai budaya.

Berikut merupakan perkongsian daripada Netelia Joseph, salah seorang peserta misi Caritas ke Kemboja.

Perkongsian iman Netelia Joseph

Saya memilih untuk menyertai program *Beyond Borders Kemboja* kerana saya sebenarnya berasa tiada hala tuju yang pasti dalam hidup dan tidak tahu apa yang saya perlu lakukan yang boleh memberi saya makna dalam hidup saya.

Jadi semasa saya dapat tahu yang Caritas MJD menganjurkan program ini, saya mendaftarkan diri meskipun diri saya diselubungi dengan perasaan ragu-ragu dan berat hati sebab saya perlu mengambil cuti kerja selama seminggu lebih.

Namun, saya berdoa dengan tekun kalau memang ini kehendak Tuhan untuk saya maka saya akan pergi.

Semasa di Kemboja, salah satu misi kami ialah membina rumah untuk penduduk yang layak dibantu.

Saya melihat orang yang dibantu itu turut serta menolong dalam

pembinaan mereka. Ini pertama kali saya alami dan ia membuat saya kagum.

Pengalaman ini sangat berharga dan ianya memberi kebanggaan kepada saya, bahawa tim Caritas, walaupun baharu memulakan program yang pertama dan tanpa pengalaman, namun dengan bimbingan Fr Martinian, Andrew dan Ray, ia berjaya dijayakan seperti yang dirancang sebelumnya.

Selain itu, semasa menjalankan program dengan remaja di sana, ramai kaum muda di sana tidak mempunyai akses untuk belajar.

Saya dapat merasakan betapa mereka dahagakan pelajaran dan bersungguh-sungguh sehingga ada yang tidak mahu balik ke rumah demi mempelajari Bahasa Inggeris.

Saya berasa malu kerana di Malaysia, saya mempunyai banyak akses untuk belajar tetapi kerap



Pekerjaan yang tidak pernah diduga oleh Netelia - membantu memperbaiki rumah!

mengabaikan kesempatan tersebut.

Dalam program *Beyond Success* secara peribadi, saya mempelajari hal-hal yang baharu.

Salah satu yang saya pelajari daripada komuniti Kemboja ialah prinsip mereka dalam menyelesaikan masalah. Mereka cuba menyelesaikan masalah semampu dan secepat yang boleh tanpa bertangguh.

Saya juga gembira sebab tim Caritas kami yang berbeza latar belakang dan budaya, dapat bekerja sama dengan baik dalam menjayakan program kami.

Kami sedar bahawa kami tidak sempurna tetapi kami melakukan yang terbaik dalam misi ini. Akhirnya saya ingin berterima kasih kepada Caritas MJD, Caritas Kemboja dan pelbagai tim serta individu yang telah membantu sepanjang pelayanan misi kami.



Netelia akui misi Caritas ke Kemboja mendorongnya untuk keluar dari zon selesa dan berani membantu mereka yang memerlukan.

Remaja kenali panggilan dalam program "Hujung Minggu bersama Seminarian"



Remaja sekitar Keuskupan Keningau menghabiskan hujung minggu bersama para aspiran/seminarian untuk mengenal panggilan masing-masing.

KENINGAU: Cuti hujung tahun 2023 digunakan sepenuhnya oleh 12 orang para aspiran/seminarian dari Keuskupan Keningau untuk menganjur Program Hujung Minggu bersama Seminarian.

Dalam program ini, selain *fellowship*, ia juga bertujuan untuk memberi peluang kepada para belia setempat untuk mendengar kisah-kisah panggilan daripada para seminarian.

Aktiviti tersebut diadakan di Rumah Retret Keuskupan Keningau, Kg Tuarid, Tatal.

Para seminarian yang terlibat adalah seperti berikut, Candy Yangan, Jackelson Jimmy, Valerian Victor, Uldrich Mark, Clive Leo Singki, Bob Cornelius, Devson Konsuang, Hogan Bonaventure, Alexis Linggam, Nelbert Program.

Acara pertama pada Jan 5, para seminarian dan peserta makan malam bersama Uskup Cornelius Piong, beberapa orang paderi dan pemimpin awam.

Pada majlis itu, para seminarian diperkenalkan kepada semua yang hadir.

Uskup Cornelius Piong dalam ucapan singkatnya, mengingatkan kepada para seminarian agar membuat renungan mengenai, "Apakah yang kamu cari?" bagi memantapkan pembentukan kepaderian mereka.

Pada hari kedua, program dimulakan dengan Misa Kudus yang

dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong.

Bapa Uskup menggunakan Injil pada hari itu untuk menunjukkan Yohanes Pembaptis dan Yesus sebagai teladan hebat dalam kerendahan hati. Prelaus itu menyelitkan pesanan kepada para seminarian agar memupuk semangat kerendahan hati untuk menerima Yesus, Sang Pemimpin Agung.

Ini diikuti dengan perkongsian pertama oleh Aspiran Clive Leo bertajuk "Apa itu Panggilan dan Komitmen hidup?"

Kemudian Aspiran Jackelson menyampaikan penjelasan tentang "Paderi Keuskupan".

Pada sebelah petang, para peserta diperkenalkan dengan beberapa kongregasi religius seperti Sister Poor Clare (OCS) dan Kongregasi Ordo Fransiskan Minorum (OFM).

Pada sebelah malam pula, para seminarian bersama peserta menonton movie bersama bertajuk "John Constantine".

Pada hari terakhir, para seminarian dan peserta merayakan Misa Kudus bersama Fr Bede Anthonius.

Selepas Misa, mereka mengambil gambar bersama dan mendengar perkongsian daripada para peserta.

Dari 12 orang seminarian tersebut, enam orang daripada mereka menjalani latihan pastoral di Keuskupan Keningau. — **Juanis bin Marcus**



“Sentuh” orang miskin, bukan sekadar beri wang

ROMA: Membantu orang yang memerlukan tidaklah cukup; umat harus menatap mata orang-orang yang mereka bantu dan bersedia menyentuh kemiskinan mereka dengan tangan dan hati mereka, kata Sri Paus Fransiskus.

Semasa bertemu dengan para ahli koperasi pasaraya Unicoop pada Januari 5 lalu, Sri Paus mengatakan umat Kristian harus “dekat dengan orang-orang yang merka bantu.”

Bapa Suci mengatakan, semasa mendengar pengakuan, beliau bertanya kepada orang-orang apakah mereka membantu orang-orang miskin, dan umat sering menjawab “ya.”

“Ketika kamu membantu orang

miskin, apakah kamu menatap mata orang tersebut, menyentuh tangannya, atau melemparkan wang kepadanya?” tanya Sri Paus.

“Sentuh dan dakaplah orang miskin setulusnya,” kata Sri Paus Fransiskus seraya menggalakkan para ahli koperasi itu mengembangkan “hati yang menyentuh, melihat dan memahami khususnya mereka yang miskin, terabai dan lanjut usia.”

Ratusan ahli koperasi pasaraya hadir dalam pertemuan dengan Sri Paus di ruang audiensi Vatikan.

Menurut data di laman sesawang Unicoop, koperasi ini memiliki lebih dari satu juta ahli dan

hampir lapan ribu pekerja.

Sri Paus Fransiskus mengatakan kepada mereka bahawa kepedulian terhadap orang miskin tidak hanya bererti memenuhi keperluan komersial mereka, namun juga harus mengakui dan menyokong kemanusiaan mereka.

“Menjaga kebaikan seseorang bukan hanya mengurus sebahagian kepentingannya, namun juga menghormati kewujudan serta martabat mereka secara penuh,” tegas Sri Paus Fransiskus.

Sri Paus memuji projek koperasi itu yang mempromosikan inisiatif budaya di seluruh Italia, serta sebuah Yayasan Amal, “*Il Cuore Si Scoglie*” (Ketulusan Hati), yang menyokong projek kemanu-



Sri Paus Fransiskus bersama kanak-kanak menghadiri audiensi umumnya.

siaan di luar negara.

“Hati adalah sumber pengetahuan. Meskipun beberapa orang mungkin berpendapat bahawa pengetahuan diperoleh melalui pemikiran dan kecerdasan, tetapi ia hanya memberikan pengeta-

huan yang tidak lengkap.”

“Tanpa hati tidak ada pengetahuan manusia,” ujarnya. “Untuk mengetahui, kita harus mengetahui dengan fikiran, dengan hati dan kemudian bertindak dengan tangan kita.” — *media Vatikan*

Cara kita makan menunjukkan sikap batin kita

VATIKAN: Salah satu kejahatan yang paling berbahaya adalah kerakusan, yang mengubah manusia yang seharusnya menjadi penjaga ciptaan tetapi menjadi orang yang konsumtif dan bahkan pengeksploitasi dan predator, kata Sri Paus Fransiskus.

“Keserakahan kita dalam menjarah harta benda dari planet ini selama beberapa abad kini membahayakan masa depan semua orang,” katanya.

“Kita telah mengambil segalanya untuk kekayaan dan kepentingan diri sendiri sedangkan segala sesuatu telah diserahkan ke dalam penjagaan kita, bukan untuk dieksploitasi,” kata Sri Paus Fransiskus pada Januari 10, pada audiensi umum minggunya di Dewan Paulus VI.

Meneruskan serangkaian katekesis tentang keburukan, Bapa Suci merefleksikan nilai-nilai jahat kerakusan, di mana para Bapa Gereja kuno menyebutnya sebagai sebagai “kebodohan perut”.

Sri Paus Fransiskus mengatakan Yesus adalah “Mesias yang sering kita lihat di meja makan menekankan pentingnya makanan dan berbagi makanan dengan orang lain, termasuk orang berdosa. Ini adalah tanda Yesus yang inginkan “persekutuan dan kedekatan dengan se-



Mesias menekankan pentingnya makanan dan berbagi makanan dengan orang lain.

meskipun makan adalah salah satu keperluan vital kita,” kata Sri Paus.

Dari “sudut pandang sosial,” katanya, “kerakusan mungkin merupakan sifat buruk paling berbahaya yang membunuh planet ini.”

“Inilah mengapa ‘kemarahan di perut’ adalah dosa besar: kita telah mengabaikan martabat manusia, dan menganggap mereka sebagai pengguna atau konsumen,” katanya.

“Kita diciptakan untuk menjadi lelaki dan wanita yang ‘ekaristi’, yang mampu mengucap syukur serta dalam memanfaatkan planet rumah kita bersama. Dan betapa bahayanya jika kita menjadi predator,” ujarnya. ‘Kerakusan’ ini menyebabkan banyak kerugian kepada kita dan rumah kita bersama,” kata Sri Paus Fransiskus. — *ucanews.com*

“Kita harus makan untuk hidup, bukan hidup untuk makan,” katanya, sambil mendorong masyarakat untuk berhati-hati dengan sifat bu-

ruk ini “meskipun makan adalah salah satu keperluan vital kita,” kata Sri Paus.

Dari “sudut pandang sosial,” katanya, “kerakusan mungkin merupakan sifat buruk paling berbahaya yang membunuh planet ini.”

“Inilah mengapa ‘kemarahan di perut’ adalah dosa besar: kita telah mengabaikan martabat manusia, dan menganggap mereka sebagai pengguna atau konsumen,” katanya.

“Kita diciptakan untuk menjadi lelaki dan wanita yang ‘ekaristi’, yang mampu mengucap syukur serta dalam memanfaatkan planet rumah kita bersama. Dan betapa bahayanya jika kita menjadi predator,” ujarnya. ‘Kerakusan’ ini menyebabkan banyak kerugian kepada kita dan rumah kita bersama,” kata Sri Paus Fransiskus. — *ucanews.com*

Uskup baharu untuk Gereja Siro-Malabar

KERALA: Gereja Siro-Malabar ritus Timur di India telah memilih Msgr Raphael Thattil sebagai pemimpin tertinggi Gereja itu di tengah-tengah perselisihan liturgi yang menyebabkan perpecahan dalam Gereja tersebut.

Pemilihan pemimpin baharu untuk Gereja di Kerala itu diumumkan semasa sidang akhbar yang diadakan di Gereja Ernakulam, pada Januari 10.

Pelantikan Uskup Raphael juga diakui oleh Sri Paus Fransiskus sebagai Uskup Agung Utama Ernakulam-Angamaly (India)

Uskup Thattil, 67, mula memangku jabatannya mulai Januari 11. Pengangkatan Uskup Raphael itu menyusul selepas pengunduran pemimpin Gereja itu sebelumnya, Kardinal George Alencherry, pada Disember 7, 2023.

Uskup Raphael dalam ucapan singkatnya menekankan perlunya persatuan di antara anggota Gereja seraya menegaskan “per-



Uskup Raphael Thattil.
Gambar: UCAN.

anan baharu saya adalah bekerja dengan anda.”

Prelatus itu juga mengatakan, “Uskup bukanlah milik peribadi melainkan milik umum. Tugas saya adalah bersama para umat Kristian. Mari kita bekerja sama. Kekurangan perlu diperbaiki,” ujarnya.

Uskup Agung baharu itu adalah Uskup di Keuskupan Shamshabaddan sebelum itu dan juga merupakan Uskup Auksilier di Keuskupan Agung Trichur, Kerala yang adalah keuskupan asalnya.

Beliau merupakan mantan seminarian Seminari St Thomas Rasul, Vadavathoor, dan ditahbis menjadi paderi pada Disember 21, 1980.

Dalam surat pelantikannya, Sri Paus Fransiskus berdoa agar “Roh Kudus memupuk kesatuan, kesetiaan, dan misi Gereja Siro-Malabar, agar dapat tumbuh dan berkembang di bawah bimbingan Uskup Raphael.” — *media Vatikan*

Kerajaan Hong Kong luluskan universiti Katolik pertama

HONG KONG: Pemerintah Hong Kong telah menyetujui *Caritas Institute of Higher Education* (CIHE) yang dikendalikan Gereja sebagai sebuah universiti, menjadikannya universiti Katolik pertama yang diakui pemerintah di wilayah yang dikuasai China itu.

Ketua eksekutif dewan dan setiausaha tetap bidang pendidikan telah menyetujui CIHE sebagai universiti dan namanya telah diubah menjadi Universiti St Francis pada Januari 9, kata

pemerintah Hong Kong dalam sebuah siaran akhbar.

Pemberian nama universiti merupakan “sebuah tonggak sejarah” bagi CIHE dan juga “kesaksian terhadap komitmen pemerintah untuk memberikan akses studi yang berkualiti serta fleksibel kepada generasi muda di Hong Kong,” kata Christine Choi Yuklin, setiausaha universiti tersebut.

CIHE adalah lembaga pendidikan tinggi dengan biaya sendiri, lapor akhbar Keuskupan Hong

Kong, *Sunday Examiner*.

Bersama dengan *Caritas Bianchi College of Careers*, Universiti St Francis menawarkan sejumlah program dalam 35 disiplin ilmu dari ilmu sosial hingga teknologi dan ekonomi dengan sejumlah 2,500 mahasiswa.

Uskup Hong Kong, Kardinal Stephen Chow juga sebelum ini antara yang mempromosikan gagasan universiti Katolik semasa masih menjadi pemimpin Yesuit sebelum dilantik menjadi Uskup

Hong Kong.

Universiti ini bermula pada tahun 1985 sebagai *Caritas Francis Hsu College*, menjadi institut pasca siswazah yang diakui pada tahun 2001 serta menawarkan program sub-ijazah.

Setelah memperoleh akreditasi untuk menawarkan program ijazah pada tahun 2010, lembaga ini mengubah namanya menjadi *Caritas Institute of Higher Education* tahun 2011. — *ucanews.com*



Universiti Katolik pertama di Hong Kong — Universiti St Francis.
Gambar: Ucanews.

HARI MINGGU KATEKETIKAL, JANUARI 28, 2024

Kita adalah pengelola ciptaan Tuhan

Semasa kita menuju ke Konvensyen Pas-toral Malaysia (MPC) 2026, kita telah berjalan bersama sebagai Gereja Malaysia yang menekankan pembinaan Keluarga, Gereja, Ekologi dan Masyarakat dalam komuniti paroki, pelayanan dan KED.

Pada tahun 2024, bidang tumpuan utama kita ialah Gereja dan Ekologi. Sehubungan dengan itu, untuk Hari Minggu Kateketikal 2024, Komisi Kateketikal Malaysia (MCC) telah memilih tema “**Kita adalah Pengelola Ciptaan Tuhan.**”

Umumnya, pengelola atau pengurus ialah orang yang secara aktif dan sepenuh hati mengawasi atau mengurus rumah tangga dan segala isinya, bagi pihak majikan.

Majikan amat mempercayai pengelola sehingga meninggalkan urusan rumah tangga di tangannya.

Pelayanan Kristian adalah tindakan menguruskan apa yang menjadi milik Tuhan. Oleh kerana kita telah menerima kehidupan dan perkara yang baik secara percuma daripada Tuhan, kita mesti menggunakannya untuk kemuliaan-Nya dan untuk menjaga keluarga-Nya.

Petikan kitab suci yang dipilih untuk Hari Minggu Kateketikal mengingatkan kita tentang tanggungjawab ini: “*Layanilah seorang akan yang lain, sesuai dengan karunia yang telah diperolehi tiap-tiap orang sebagai pengurus yang baik dari kasih karunia Tuhan.*” (1 Petrus 4:10).

Oleh itu, tema Hari Minggu Kateketikal menekankan bahawa, sebagai Gereja, kita dipanggil untuk menjadi pengurus ciptaan yang bertanggungjawab, bermula dengan penjagaan kita terhadap manusia. Seperti

Pesan dari Presiden Kateketikal Komisi Kateketikal Malaysia



Semua kita dipanggil untuk menjadi penjaga ciptaan.

yang dinyatakan oleh Sri Paus Fransiskus, “... masalah alam sekitar tidak boleh dipisahkan daripada... bagaimana individu berhubung dengan diri mereka sendiri” (Laudato Si, 141).

Sebagai hamba Tuhan, kita harus menghormati dan melindungi maruah dan kesejahteraan semua manusia, terutamanya golongan miskin, terabai dan tertindas.

Ini termasuk memastikan sumber alam ciptaan diagihkan dan dikongsi secara sama rata bagi memenuhi keperluan asas setiap lelaki, wanita dan kanak-kanak.

Seperti yang dinyatakan dalam pesan Hari Minggu Kateketikal, “*Kepedulian kita terhadap ciptaan bukan bermaksud untuk diungkapkan demi penciptaan itu sendiri sebaliknya, demi kemanusiaan di mana Tuhan menciptakan alam dan semua sumber yang terkandung di dalamnya.*”

Pada masa yang sama, kita perlu menjaga ciptaan, Rumah Bersama kita. Kepentingan isu ekologi ditekankan dalam penerbitan terbaharu Seruan Apostolik Sri Paus Fransiskus pada hari pembukaan Perhimpunan Agung Biasa Sinode Uskup ke-16 men-

genai ‘Sinode tentang Sinodaliti’ di Roma pada Oktober 4, 2023, yang memperkenalkan ‘*Laudate Deum*’ — susulan kepada *Laudato Si* (Mei 24, 2015).

Dalam hal ini, katekesis boleh memainkan peranan penting dalam mewujudkan kesedaran di kalangan umat Tuhan tentang tanggungjawab menjadi pengurus ciptaan yang baik, sebagai murid-murid misionari Yesus Kristus.

Seperti yang kita lakukan setiap tahun, MCC telah menyediakan Pesan Hari Minggu Kateketikal dan Ritus Pentauliahian untuk Katekis. Ini boleh didapati dalam bahasa Malaysia, Ingeris, Tamil dan bahasa Cina. E-poster juga telah siap dan dihantar ke setiap keuskupan serta paroki.

Bahan-bahan ini diharapkan dapat digunakan sebagai sumber untuk renungan dan kajian, perayaan liturgi dan aktiviti yang dianjurkan berkaitan dengan Hari Minggu Kateketikal.

Sebagai penutup, bagi pihak Uskup-uskup Malaysia, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih setulusnya kepada paderi paroki, penyelaras katekis dan katekis, ibu bapa dan penjaga serta semua yang terlibat dalam pelayanan katekesis. Semoga Yesus Kristus, Gembala yang Baik memimpin dan membimbing kita.

Uskup Joseph Hii Teck Kwong, D.D.
Presiden Episkopal
Komisi Kateketikal Malaysia.

Bagaimana cara kita mengurus alam?

Semasa Tuhan mula-mula menciptakan dunia, segala sesuatu yang terkandung di dalamnya bertujuan untuk dikongsi sama rata oleh semua manusia supaya keperluan setiap orang akan dijaga dengan betul dan tiada se-orangpun yang berkekurangan (KGK 2402).

Namun, penagihan yang tidak sama rata anugerah dari Pencipta di kalangan manusia telah menyebabkan ramai yang mengalami kekurangan yang teruk.

Gereja telah memanggil kita untuk memberi keutamaan kepada orang miskin, yang bermaksud bahawa kita harus dengan sengaja untuk sentiasa berdiri di sisi orang miskin. Kitab Suci menunjukkan bahawa Tuhan mendekati orang miskin dengan sikap yang sama: mengasihi, mempertahankan, dan bercakap bagi pihak mereka (Yesaya 3:13-15, Lukas 10, Lukas 16, Matius 25).

Memandangkan Gereja Katolik yang Kudus mengajarkan bahawa setiap manusia mempunyai hak untuk diperlakukan dengan bermaruah, sistem sosio-ekonomi dalam masyarakat yang tidak mengindahkan maruah manusia dengan membiarkan mereka miskin dan serba berkekurangan adalah dianggap tidak adil dan mesti diubah (*Evangelii Gaudium*, 153). Ini termasuklah cara masyarakat manusia menjalankan perannya sebagai pengurus ciptaan Tuhan.

Semua yang Tuhan telah ciptakan diberikan kepada manusia. Sumber semula jadi daripada penciptaan bertujuan untuk sama-sama dikongsi supaya manusia dapat hidup dengan maruah yang diberikan Tuhan sebagai manusia.

Sumber dari penciptaan bukan hanya harus diberikan untuk memenuhi keperluan asas setiap manusia, tetapi juga untuk membantu semua orang menjadi yang terbaik. Orang



1 Petrus 4:10: “*Setiap orang antaramu telah menerima pelbagai kurnia daripada Tuhan. Sebagai pengurus yang baik bagi kurnia Tuhan, gunakanlah kurnia itu untuk kebaikan semua.*”

yang miskin adalah mereka yang kurang atau tiada mempunyai akses kepada sumber daripada penciptaan sedangkan seluruh dunia menikmati sumber-sumber ini secara berlebihan.

Menjaga penciptaan dengan mengambil berat tentang pengagihan yang sama rata serta menghapuskan pembaziran adalah cara penting untuk mengambil tanggungjawab ke atas mereka yang mengalami kemiskinan. Ia adalah lebih daripada sekadar menanam sayur-sayuran di taman paroki.

Bapa Suci Fransiskus mengingatkan kita, “... kita perlu sedar bahawa pendekatan ekologi yang sebenar sentiasa menjadi pendekatan sosial; harus mengintegrasikan persoalan

keadilan dalam perbincangan tentang alam sekitar, supaya rintihan bumi dan orang miskin dapat didengar” (Laudato Si, 49).

Kepedulian kita terhadap ciptaan bukan bermaksud untuk dizahirkan demi penciptaan itu sendiri, tetapi sebaliknya, demi manusia yang mana Tuhan telah ciptakan alam dan semua sumber yang terkandung di dalamnya.

Mengeksploitasi ciptaan secara tidak wajar bermakna bahawa akan ada di kalangan manusia yang akan kehilangan hak untuk menikmati sumber semula jadi ini, dari generasi ini dan juga generasi yang akan datang (Laudato Si, 159).

Mengeksploitasi alam semula jadi adalah juga mengeksploitasi sesama manusia. “*Apabila kita gagal untuk mengakui nilai orang miskin sebagai sebahagian daripada realiti... adalah sukar untuk mendengar tangisan alam itu sendiri; keduanya saling berkaitan*” (Laudato Si, 117).

Apabila kita bercakap tentang masalah alam sekitar yang timbul daripada eksploitasi penciptaan, kita merujuk kepada masalah sistem bumi seperti udara, air, dan tanah, antara lain, yang timbul akibat cara bumi ini disalahgunakan oleh manusia.

Bumi kita kini telah sampai di titik krisis alam sekitar yang teruk sebab masalah ini telah menyebabkan generasi kita, dan juga yang akan datang, lebih terdedah daripada sebelumnya kepada bencana dan tragedi yang tidak diingini.

Namun harapan selalu ada: **kita boleh membuat pilihan untuk “bangkit mengatasi diri kita sendiri”... untuk “memilih apa yang baik”... dan untuk “membuat permulaan yang baharu”!** (Laudato Si, 205). — **Komisi Kateketikal Malaysia**

Mengapa rai Hari Minggu Kateketikal?

Hari Minggu Kateketikal merupakan sebuah peluang bagi para katekis, ibu bapa dan penjaga untuk memberikan semula komitmen mereka terhadap misi katekesis, dan merayakan serta memperkasakan panggilan mereka sebagai komuniti beriman.

Perayaan Hari Minggu Kateketikal merupakan satu maklum balas kepada dokumen yang telah dikeluarkan oleh Vatikan pada tahun 1935, “*Mengenai Penjagaan dan Promosi Pendidikan Kateketikal yang lebih baik*”.

Dalam dokumen ini, terdapat satu panggilan untuk Gereja yang menyeru dunia agar tidak hanya mengakui kepentingan pelayanan pengajaran ini, tetapi juga memberi penghargaan kepada para katekis, yang melayani komuniti Kristian.



Kardinal Sebastian pimpin Misa Kudus Kesyukuran

PULAU PINANG: “Keuskupan Pulau Pinang menerima hadiah dua kali ganda iaitu dengan pengangkatan Uskup Sebastian Francis ke kolej kardinal, menandakan ikatan perpaduan dengan Bapa Suci menjadi lebih kuat dan nyata.”

“Selain itu, Gereja tempatan melihat dirinya dalam cahaya persekutuan yang lebih luas dari Gereja sejagat, yang dipelihara dalam kesatuan iman oleh Roh Kudus, melalui ikatan konkrit penerus Sto Petrus,” kata Kardinal Giorgio Marengo dari Mongolia semasa menyampaikan homili semasa Misa Kudus Kesyukuran Pengangkatan Uskup Sebastian menjadi Kardinal di Basilika Kecil Sta Anna.

Misa Kudus kesyukuran pada Januari 8, itu dihadiri oleh para Kardinal dari Singapura, Thailand, Vietnam dan Mongolia, Wakil Sri Paus ke Malaysia, Uskup Agung Wojciech Zaluski, para Uskup/Agung dari Konferensi para Uskup Malaysia, Singapura dan Brunei, para klerus dari pelbagai Keuskupan, para pemimpin umum pelbagai kongregasi, para



Kardinal Sebastian memimpin Misa Kudus Kesyukuran pada Januari 8, 2024.

Agung Julian Leow dari Kuala Lumpur, memperlihatkan serta membaca Dekri Bapa Suci Fransiskus atau *papal bull* yang mengumumkan keanggotaan Uskup Sebastian ke jabatan Kardinal.

Kardinal Sebastian dalam ucapannya mengungkapkan kesyukuran kepada Sri Paus Fransiskus, yang mempercayainya sebagai kardinal kedua Malaysia melalui surat Bapa Suci pada Julai 9, 2023.

Sebelum ritus pembukaan Misa, Uskup

Prelatus itu mengongsikan tiga pesan utama Bapa Suci iaitu:

1. Kesejagatan Gereja Katolik yang bersumber pada pengalaman Pentakosta
2. Inkulturasi iman
3. Inkulturasi budaya.

Kardinal berusia 72 tahun itu juga mengingatkan bahawa tahun 2024 merupakan tahun persiapan untuk Tahun Jubli 2025 iaitu Tahun Harapan yang bertema, “Penziarah Harapan.”

Kardinal Sebastian turut menyeru semua umat agar bersedia dengan sebuah perhimpunan besar yang melibatkan kongregasi Malaysia iaitu Perhimpunan Pastoral Malaysia 2026 (MPC 2026).

“Kita Gereja Asia adalah pencerita (*story teller*). Kita ingin memberitahu mengenai Yesus dan meminjam kata-kata Kardinal Giorgio – membisikkan Injil kepada semua orang yang kita temui.

“Dan saya ingin menambah, sebarkanlah Injil Sukacita, Belas Kasihan dan Harapan kepada semua orang!”

Pelancaran Kitab Deuterokanonika versi Borneo di Pulau Pinang

PULAU PINANG: Pelancaran Kitab Deuterokanonika (DC) dalam Bahasa Malaysia versi Borneo telah diadakan di Basilika Sta Anna, Bukit Mertajam pada Januari 8 lalu, selepas Misa Kudus Kesyukuran pengangkatan Uskup Sebastian menjadi Kardinal.

Uskup Richard Ng dari Keuskupan Miri dan juga presiden Komisi Episkopal Alkitab Malaysia, Singapura dan Brunei menjelaskan bahawa Alkitab Versi Borneo (AVB) tidak mempunyai Kitab Deuterokanonika (DC).

DC merujuk kepada tujuh kitab tambahan yang diakui oleh Gereja Katolik dan Gereja-gereja Timur. Tujuh kitab itu ialah Kitab Tobit, Yudit, Ester, Sirakh, Kebijaksanaan, Satu dan Dua Makabe.

Terjemahan DC ke bahasa Malaysia adalah projek di bawah Konferensi para Uskup Malaysia

“Projek penterjemahan ini adalah rumit dan mengambil masa panjang. Konferensi para Uskup Malaysia mempersetujui projek ini pada tahun 2017, menjalani dua kali



Uskup Ricard Ng menyampaikan AVB versi Katolik cetakan terhad kepada para Uskup.

latihan pada tahun 2018 serta melalui proses semakan yang panjang dan teliti sebelum dicetak.

Uskup Richard turut menyampaikan rasa terima kasih kepada 13 penterjemah dari Malaysia Timur dan seorang dari Semenanjung Malaysia. Mereka bekerjasama dengan tim AVB sehinggalah DC tersebut lengkap dan dicetak.

“Buat masa sekarang, DC dalam bahasa Malaysia dicetak sebagai tambahan kepada AVB. Namun dalam masa terdekat, Kitab DC akan dicetak bersama dengan AVB dan menjadikannya Alkitab Bahasa Malaysia

versi Katolik,” jelas Uskup Richard.

Prelatus itu berterima kasih kepada Lembaga Pengarah Alkitab Versi Borneo kerana memberi kebenaran kepada para Uskup Katolik Malaysia untuk menghasilkan edisi pertama Katolik AVB.

Roh Kudus berkarya membawa pelbagai orang, pelbagai berkat dan karisma untuk merealisasikan Alkitab bahasa Malaysia yang boleh dihayati dan dibaca khususnya kepada umat berbahasa Malaysia di Malaysia Timur.

Sebagai gimik pelancaran, Uskup Richard menghadihkan AVB Katolik edisi terhad kepada semua Uskup yang hadir.



Buat masa ini, DC dicetak sebagai tambahan kepada AVB. Ia akan dicetak bersama AVB dalam masa terdekat ini.

TAMBUNAN: Sukan Solidariti Pedalaman Atas Keuskupan Keningau mendapat sambutan menggalakkan dan disertai oleh paroki St Theresa Tambunan, paroki Holy Cross Toboh, Paroki Roh Kudus Sook, Mission Bonda Maria Kemabong dan Katedral St Francis Xavier Keningau pada Disember 15-17 lalu di paroki St Theresa, sebagai tuan rumah.

Sukan ini diadakan di tiga tempat berlainan iaitu Sukan Badminton dan Bola Tampar dijalankan di Dewan dan Gelanggang Holy Cross Toboh, Sukan Tarik Tali serta Sukan Bola Sepak Lelaki Terbuka, Lelaki Veteran dan Wanita Terbuka diadakan di padang Tambunan.

Penganjuran sukan ini diketuai oleh Charles Jupili bersama tim beliau.



Para peserta Sukan Solidariti bergambar bersama semasa Misa Kudus.

Paderi Pembimbing Rohani Sukan Solidariti Keuskupan Keningau, Fr Rudolf Joannes

dalam menyampaikan homili semasa memimpin Misa pembukaan berkata, penganjuran

sukan dapat memupuk persahabatan, selain mempromosi kesihatan tubuh dan mental yang baik.

“Mengamalkan sukan dengan kesetiaan dan semangat daya saing yang sihat akan “membantu umat bersabar menghadapi getir cabaran,” ujar Fr Rudolf.

Kejohanan Sukan Solidariti telah dimenangi oleh paroki St Theresa Tambunan yang memenangi empat pingat emas dan satu pingat gangsa, diikuti empat kedua oleh Katedral St Francis Xavier Keningau dan tempat ketiga dimenangi oleh Paroki Holy Cross Toboh Tambunan.

Tuan Rumah Sukan Solidariti Keuskupan Keningau pada tahun 2025 ialah Katedral St Francis Xavier Keningau.